

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	29/7/2019	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	KATS / YBM / PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



DR Siti Hasmah menerima sumbangan untuk Tabung Selamatkan Harimau Malaya, semalam sambil disaksikan Dr Wan Azizah dan Dr Xavier.

Harimau dinamama Wira, Hebat, Melur

Isteri PM pilih nama 3 anak Harimau Malaya dilahir di Zoo Negara

Siti Aisyah Sukaini
sifaiaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

Wira, Hebat dan Melur ialah nama dipilih sendiri oleh isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali untuk tiga anak Harimau Malaya yang dilahirkan di Zoo Negara pada 1 Mei lalu.

Nama dua anak harimau iaitu Wira dan Hebat yang berantina jantan manakala Melur ialah anak harimau betina diumumkan secara rasmi oleh beliau pada pelancaran Kempen Selamatkan Harimau Malaya 2019-2020 di sini, semalam.

Berkongsi kisah mengenai anak harimau itu, Dr Siti Hasmah berkata, ketiga-tiganya kini berusia tiga bulan dan beliau sebelum ini melawat Zoo Negara bersama Menteri Air, Tanah dan Sum-

29-07-2019

setempat 29

besarnya manakala seekor daripadanya mengaum.

"Saya terperanjat, tetapi bersyukur kerana kita dapat anak harimau lahir di Zoo Negara. Jadi hari ini saya umum nama secara rasmi iaitu Wira dan Hebat manakala yang betina mengaum melihat saya itu Melur," katanya bertepatan pena Hari Harimau Global 2019 dan Pelancaran Kempen Selamatkan Harimau Malaya 2019-2020 di sini, semalam.

Hadiri sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyempurnakan pelancaran kempen berkenaan dan ia turut dihadiri Dr Xavier.

FAKTA
Ketiga-tiga anak harimau lahir daripada pasangan dua harimau Kayla dan Jati

Sebelum ini, ketiga-tiga anak harimau itu dilahirkan hasil dari pada dua pasangan harimau dewasa iaitu Kayla dan Jati.

Dalam pada itu, Dr Siti Hasmah yang juga Penangguhan Selamatkan Hari-mau Malaya berkata, semua pihak dirayu untuk bersama memahankan peranan dalam memastikan bilangan Hari-mau Malaya di negara ini dapat dipertingkatkan kepada lebih 500 ekor.

Katanya, usaha berkenaan perlu memabatkan semua pihak termasuk kerajaan,

sektor swasta, penderma dan anggota masyarakat dipercayai dapat melonjakkan spesies Harimau Malaya.

"Sebab ketamakan diri, kita kemungkian tidak akan dapat melihat haiwan cip-taan Allah ini, sebab mereka sudah pupus.

"Sekali pupus, ia tidak akan ada lagi. Spesies ini ada di Semenanjung kita saja dan jika kita tidak bersama agensi lain bertindak, ia akan pupus. Kelak nanti hanya lambang jata dan pada kemaja-1," katanya.

Kempen Selamatkan Harimau Malaya 2019-2020 adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan pemuliharaan Harimau Malaya yang diancam kepupusan. Ia merangkumi program konservasi dan penguatkuasaan, kesedaran awam, publisiti dan promosi serta program sumbangan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Selain itu, turut dilancarkan ialah Tabung Selamatkan Harimau Malaya yang menerima sumbangan berjumlah RM1.3 juta daripada pelbagai pihak termasuk Yayasan Al-Bukhary, Bertaya Corporation dan Ranthill Holdings.